

# Lelaki mengaku bersalah tumbuk seorang individu di balai polis

**SIBU:** Seorang lelaki berusia 25 tahun didenda RM2,000 atau penjara sebulan oleh Mahkamah Majistret di sini semalam selepas mengaku bersalah menumbuk seorang individu di sebuah balai polis di sini.

Alexson Luyoh Jenuang dari Sungai Baoh Burak dekat sini mengaku bersalah atas pertuduhan di bawah Seksyen 90 Akta Polis 1967 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 94 akta sama di hadapan Majistret

Romario Jonoi.

Kesalahan itu dilakukan pada 7 September, kira-kira jam 6.30 petang di Balai Polis Pusat Sibu.

Seksyen 94 akta tersebut memerlukan hukuman denda tidak melebihi RM5,000 atau penjara tidak lebih setahun atau kedua-duanya jika disabitkan kesalahan.

Menurut fakta kes, mangsa berusia 35 tahun berada di balai polis untuk membuat laporan berhubung perselisihan

faham dengan tertuduh yang berlaku di sebuah kedai di Lorong Tong Sang 1B di sini.

Tertuduh secara tiba-tiba menumbuk muka pengadu menyebabkan mangsa terjatuh ke atas kerusi dan mengalami kecederaan di bibir.

Alexson ditahan segera selepas kejadian tersebut dan telah membayar denda yang dikenakan semalam.

Kes dikendalikan oleh Inspektor Kumareswaran Murugan.